

## **Tambah baik tugas JPJ elak anggota rasuah**

---

**Kulai** : Tugas penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan ditambah baik bagi memastikan pegawai dan anggotanya menunaikan tanggungjawab dengan penuh intergriti, bebas rasuah dan berkesan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata buat masa ini, JPJ akan meneruskan bidang penguatkuasaan sedia ada, namun kementerian bersedia melihat semula tugas berkenaan pada masa depan.

“Setiap agensi penguatkuasaan ada tugas masing-masing. JPJ ada bidang kuasa penguatkuasaan mengikut Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, begitu juga Polis Diraja Malaysia yang ada bidang kuasa lebih menyeluruh.

“Perkara yang perlu dilihat adalah penambahbaikan penguatkuasaan undang-undang yang penuh intergriti, lebih berkesan dan bebas rasuah. Buat masa ini, JPJ akan teruskan bidang penguatkuasaan sedia ada,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Stesen FedEx Express (FedEx) Johor di Senai Airport City, di sini semalam.

### **Lakukan tapisan lebih ketat**

Di Kuala Lumpur ; Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Datuk Seri Akhbar Satar, berkata bahagian penguat kuasa JPJ perlu diperkuatkan, terutama aspek risikan untuk memastikan gejala rasuah dalam kalangan anggotanya tidak berterusan.

“Pegawai mengetuai unit risikan dan anggotanya perlu ditapis lebih ketat. Ambil kira kriteria utama termasuk bersih daripada rasuah serta ada tahap intergriti tinggi supaya apabila turun padang dan memantau anggota lain menjalan operasi, mereka tidak akan terpengaruh dan bersubahat menerima rasuah.

“Anggota dan pegawai sepatutnya tidak berkompromi dalam isu salah laku, tindakan perlu diambil secara adil dan saksama. Pegawai atasan juga perlu turun padang secara mengejut di lokasi anak buah mereka bertugas, tegur dan ambil tindakan jika ada aktiviti rasuah, bukan turut serta dalam amalan tidak berintergriti itu,” katanya.

Kepada syor tugas penguatkuasaan JPJ diserahkan kepada PDRM, Akhbar berpendapat ia tidak sesuai kerana masing-masing mempunyai bidang kuasa berbeza dan skop kerja tersendiri, berkata apa yang paling penting adalah intergriti anggota, bukan latar belakang mereka sebagai polis atau kakitangan JPJ.

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda pula mendakwa, amalan rasuah dalam kalangan penguatkuasa di negara ini dipercayai disebabkan gaji rendah berbanding mereka yang menjawat jawatan sama di negara jiran seperti Singapura yang menerima pendapatan tinggi.

“Jarang kita baca laporan gejala rasuah oleh penguatkuasa di Singapura kerana mereka terima gaji tinggi, malah disegani rakyat Singapura tidak berani cuba merasuah. Dalam kes di Malaysia,

dua perkara perlu dikaji, iaitu gaji dan kaedah untuk meletakkan profesion penguatkuasa diperingkat lebih tinggi,” katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 19 | 19 APRIL 2019**